

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2000/2001

September/Oktober 2000

KIT 250 : Pengurusan Industri

(Masa : 3 jam)

Jawab sebarang LIMA soalan.

Hanya LIMA jawapan yang pertama sahaja akan diperiksa.

Jawab tiap-tiap soalan pada muka surat yang baru.

Kertas ini mengandungi TUJUH soalan (5 muka surat)

1. Anda telah dilantik sebagai Ketua Perunding Syarikat untuk berunding dengan Kesatuan bagi Perjanjian Bersama yang baru. Apa yang akan anda lakukan bagi memastikan perundingan anda dengan Kesatuan tidak menemui jalan buntu/kegagalan.

(20 markah)

2. Pengarah Urusan anda, Encik Ahmad telah melantik anda sebagai orang yang bertanggungjawab bagi satu projek baru. Anda telah diarahkan untuk merancang projek tersebut dan menjelaskan kepadanya tentang langkah-langkah yang akan anda ambil untuk melaksanakan projek tersebut. Sebagai pekerja baru, anda benar-benar ingin memberi keyakinan yang terbaik kepada Pengarah Urusan anda.

(20 markah)

3. Anda sedang berbincang dengan rakan-rakan tentang motivasi di dalam kelas. Pensyarah anda telah memandang kepada anda dan bertanya "APA ITU MOTIVASI?" Berikan jawapan anda.

(20 markah)

4. Sebagai orang baru di dalam sesuatu organisasi anda ingin menggalakkan pekerja-pekerja anda untuk membentuk kumpulan-kumpulan. Seorang pekerja bertanya kepada anda, mengapa dan apakah keperluan organisasi yang dapat dipenuhi oleh kumpulan-kumpulan tersebut.

(20 markah)

5. (a) Anda sebagai Pegawai Sumber Manusia dan tuduhan-tuduhan tersebut telah dibuat terhadap pekerja anda, Encik Anwar:

- (i) Bahawa pada 15hb. Julai 2000 dari 2.15 petang sehingga 3.20 petang, Encik Anwar telah didapati tidak berada di tempat kerjanya iaitu mesin no. 5 bersebelahan Bahagian Baling.
- (ii) Bahawa pada 20hb. Julai 2000, kira-kira 4.15 petang Encik Anwar dijumpai merokok di tempat dan mesin yang sama.

Anda telah diarahkan untuk memberikan surat tunjuk sebab kepada Encik Anwar.

(Nota: Merokok di dalam Kilang Tekstil adalah merupakan salah laku yang berat)

(10 markah)

- (b) (i) Apakah fungsi "inventory" dalam sesuatu organisasi? Berikan 4 sebab kenapa ianya sedemikian.

(4 markah)

- (ii) Berikan makna JIT (Just in Time Inventory) dalam sesuatu sistem pengeluaran.

(2 markah)

- (iii) Dalam "Perancangan Kasar" (Aggregate Planning), pengurus akan cuba mencari strategi yang terbaik untuk memenuhi ramalan pengeluaran dengan membuat beberapa pengubahsuaian. Sila berikan 4 perkara yang perlu diambil kira dalam membuat pengubahsuaian tersebut.

(4 markah)

6. (a) Untuk pengeluaran yang optimum, apakah situasi pengeluaran yang unggul yang perlu diambil kira.

(2 markah)

- (b) Bagi carta yang terdapat di bawah, sila terangkan sama ada carta itu berkeadaan normal atau tidak, dan berikan sebabnya.

Jadual

n	A ₂	D ₃	D ₄	d ₂
2	1.880	0.000	3.267	1.128
3	1.023	0.000	2.574	1.693
4	.729	0.000	2.282	2.059
5	.577	0.000	2.115	2.326
6	.483	0.000	2.004	2.534
7	.419	.076	1.924	2.704
8	.373	.136	1.864	2.847
9	.337	.184	1.816	2.970
10	.308	.223	1.777	3.078

(6 markah)

- (c) Apakah kegunaan "Statistical Process Control" (SPC)?

(2 markah)

(d) Terdapat 5 kumpulan asas pekerja bagi menghasilkan I-Beam di sebuah kilang.

$X_1 = 7$ meter $R_1 = 3$

$X_2 = 6$ meter $R_2 = 2$

$X_3 = 5$ meter $R_3 = 2$


$X_4 = 7$ meter $R_4 = 1$

$X_5 = 5$ meter $R_5 = 2$

Spesifikasi yang ditetapkan ialah $X = 6 \pm 1$ meter

Sila dapatkan nilai : n , R , \bar{X} , σ , UCL, LCL, C_p , C_{pk}

CARTA KAWALAN



(10 markah)

7. (a) Kualiti selalunya bermakna “Kepuasan Pelanggan Yang Menyeluruh” (Total Customer Satisfaction). Terdapat beberapa dimensi kualiti yang perlu untuk menentukan jumlah harga sesuatu barangan. Sila senaraikan dimensi kualiti yang perlu diambil kira.

(8 markah)

- (b) Bagi sesuatu permasalahan proses atau “bottleneck”, terangkan 3 pendekatan atau kaedah yang boleh digunakan untuk menyelesaikan masalah tersebut.

(6 markah)

- (c) Apakah faedah sesuatu organisasi itu mendapat sijil pengiktirafan ISO 9000? Terangkan. Beri 3 sebab utama.

(6 markah)

oo000oo

